

07 JUN 1999

Mahathir-Pembangkok

K'SAMA PEMBANGKANG BUKAN UNTUK KEBAIKAN NEGARA: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Parti pembangkang ingin meniru konsep Barisan Nasional tetapi mereka tidak mempunyai tujuan untuk kebaikan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata mereka hanya ingin memenangi pilihan raya. Justeru "apabila pilihan raya sudah hampir mereka akan sibuk membentuk kerjasama antara parti-parti mereka."

"Kerjasama ini bukan kerjasama yang serius dan bermakna. Masing-masing mempunyai agenda sendiri yang tidak secocok dengan hasrat rakan mereka," katanya semasa berucap pada perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini.

Dr Mahathir berkata niat pembangkang ialah untuk mengabui mata rakyat dengan gambaran bahawa mereka adalah alternatif yang serius.

"Percayalah mereka tidak pun dapat bekerjasama semasa pilihan raya, jauh sekali selepas kemenangan yang mereka harapkan. Mereka akan bercakaran sesama sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata parti pembangkang amat marah apabila dituduh bahawa "kerajaan Islam" mereka akan meniadakan hak orang bukan Islam dan "Malaysian Malaysia" akan menggugat hak dan kedudukan Bumiputera.

"Mereka ingin mendakwa di mahkamah, sesiapa yang menuduh (bahawa) ini adalah niat mereka. Tetapi kenapakah apabila mereka mengisytihar hasrat mereka, mereka tidak jelaskan tujuan mereka secara terang.

"Jika Malaysian Malaysia II tidak punya tujuan yang membawa rusuhan kaum pada tahun 1969, kenapakah mereka tidak berkata awal-awal lagi secara terang dan jelas?" tanya Dr Mahathir.

Beliau menjangkakan pilihan raya yang akan datang ini, akan menjadi yang terkotor sekali dalam sejarah kerana bukan sahaja parti lawan akan menggunakan bermacam ugutan dan hasutan, tetapi mereka akan dibantu oleh dalang-dalang dari luar negeri dengan media mereka.

Katanya pilihan raya ini akan menjadi lebih kotor kerana parti lawan menghalalkan perkataan yang kesat, jijik, kotor dan mencarut dan mereka sudahpun memulakan cara-cara buruk ini dalam ceramah-ceramah mereka.

"Kita dalam BN tidak akan tiru cara yang kotor ini. Kita tidak akan minta pertolongan orang asing..." kata beliau.

"Kita percaya kepada rakyat negara ini, merekalah yang akan menentukan nasib kita dan nasib mereka serta kerajaan yang akan memerintah mereka," kata Perdana Menteri.

Rakyat berbangga dengan kebebasan mereka dan akan memilih parti yang bebas daripada didalangi oleh kuasa asing.

Parti yang bebas di Malaysia hanyalah Barisan Nasional yang mempunyai rekod khidmat yang cemerlang, katanya.

Mengenai cadangan parti pembangkang supaya jawatan perdana menteri digilirkan antara pemimpin empat parti pembangkang, Dr Mahathir berkata negara akan mempunyai kerajaan yang akan dipimpin empat parti yang berbeza pemimpin dan pendapat.

Katanya setiap parti itu akan memerintah selama 15 bulan bermula dengan sebuah "kerajaan Islam" (PAS), diikuti oleh kerajaan "Malaysian Malaysia" (DAP), yang ketiga kerajaan pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail (Keadilan) dan keempat pimpinan Syed Husin Ali (Parti Rakyat Malaysia).

"Rakyat Malaysia akan keliru dengan dasar-dasar yang berbeza.

"Kerajaan Dr Wan Azizah mudah sahaja, iaitu untuk membebaskan suaminya, lepas itu masalah habis. Manakala parti sosialis pimpinan Syed Husin antara

parti yang masih mempertahankan sosialisme sedang seluruh dunia sudah menggugurkan ideologi itu. Sebelum mereka mendirikan kerajaan mereka sudahpun bercakaran siapa yang hendak menjadi perdana menteri," katanya.

-- BERNAMA

GM/AR NMO RON